

29 Disember 2011

Lalok ketika dicekup

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
mriduwan@hmetro.com.my

MELAKA: Dua lelaki dengan seorang daripadanya mempunyai lapan rekod jenayah diberkas anggota peronda polis di Jalan Gangsa, Alor Gajah menghala ke Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM), malam kelmarin, selepas mereka merempuh sebuah kereta peronda.

Difahamkan ketika ditahan, kedua-dua suspek dalam keadaan khayal dan dipercayai dibawah pengaruh dadah menaiki Proton Satria putih yang dilaporkan dicuri di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner, Raja Shahrom Raja Abdullah berkata, ketika kejadian jam 8 malam itu, dua anggota peronda sedang memeriksa sebuah van di kiri bahu jalan sebelum tiba-tiba kereta dinaiki suspek dari Jalan Gangsa berhampiran persimpangan lampu Isyarat Lebuh Sungai Udang-Paya Rumput-Ayer Keroh (SPA) menuju ke arah LTAM cuba memotong kenderaan dari sebelah kiri.

“Kereta dinaiki dua lelaki berusia 33 dan 26 tahun itu cuba memotong dari sebelah kiri lalu merempuh but kereta peronda. Bagaimanapun anggota MPV tidak mengalami sebarang kecederaan.

“Anggota polis melakukan pemeriksaan lanjut, menemui pelbagai barangan disyaki dirompak seperti empat komputer riba, pelbagai jenis kunci kereta, beberapa pemacu pena (pendrive) dan wang tunai RM996. Polis juga menemui sepucuk pistol tiruan disyaki diguna dua lelaki terbabit untuk melakukan jenayah selain satu alat menghisap dadah.

“Semua barangan berkenaan dirampas dan suspek kini direman tujuh hari bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang media, petang semalam.